**PENDAKWA RAYA**

**v.**

**TAN CHEONG HOCK**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
LAMIN MOHD. YUNUS H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 3 OF 1985]
19 DISEMBER 1989

***KETERANGAN:*** *Orang kena tuduh dihadapkan ke Mahkamah di atas dua tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 - Keterangan dari pendakwa memberi bukti yang cukup untuk memanggil Orang Kena Tuduh untuk membuat pembelaan terhadap kedua tuduhan - Kegagalan untuk mendatangkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (Failure to create a reasonable doubt on the prosecution's case)- Penyataan beramaran di bawah s.113 Kanun Acara Jenayah - Kegagalan pembela memeriksa-balas saksi utama pendakwa bermakna pembela tidak menafikan keterangan yang diberi.*

Orang yang kena Tuduh telah dihadapkan dengan dua tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana memiliki sepucuk pistol tanpa kebenaran yang sah dan kerana memiliki dua butir peluru pistol dan boleh dihukum mati. Pada 30 Mac 1985 jam lebih kurang 12.00 tengah malam Pemangku Penguasa Polis Encik Keshab Chakrabarty menerima satu maklumat melalui telefon yang mengatakan bahawa ada seorang lelaki cina memiliki sepucuk senjata api dan beliau sedang berada di Kuantan Restoran, Jalan Mahkota, Kuantan. Pemangku Penguasa Polis Keshab dan beberapa orang pegawai polis yang lain pergi ke Kuantan Restoran dan di sana beliau dapat mengecam perwatakan lelaki cina yang dimaksudkan mengikut maklumat yang diterimanya itu. Pemangku Penguasa Polis Azman mengacukan pistolnya ke belakang kepala orang cina itu dan seterusnya memeriksa tubuh badan lelaki cina itu. Beliau mendapati sepucuk pistol dan lalu dirampasnya dan kemudian diserahkan kepada Pemangku Penguasa Polis Keshab. Pemangku Penguasa Polis Keshab memeriksa pistol itu dan mendapati di dalam chambernya terdapat 2 butir peluru dan kemudiannya beliau memasukkan ke dalam koceknya. Lelaki cina itu disoalsiasat dan seterusnya pihak polis dibawa ke Moon light Hotel di Jalan Telok Sisek, Kuantan untuk memeriksa bilik No.28 yang digunakan oleh Orang Kena Tuduh. Pemangku Penguasa Polis Effendi Tay mengesahkan bahawa pistol yang dirampas dari Orang Kena Tuduh ialah revolver jenis Colt caliber 0.32 model Polis Special 32-20 WCF Serial No:441861 dan peluru yang dijumpai itu adalah peluru hidup jenis W.W. O.32 Colt N.P. Pegawai Penyiasat kes ini, Inspector Abdul Karim bin Baba menyatakan seorang lelaki cina telah menginap di bilik No. 28 di Moon Light Hotel, Jalan Telok Sisek, Kuantan, sejak 29 Mac 1985 jam 11 pagi, tetapi nama yang tercatit di dalam buku pendaftaran hotel itu ialah nama Che Yusuff bin Che Hussain No. K/P 6326061 tetapi tandatangannya adalah tandatangan seorang lelaki cina.

Ketika memberikan keterangan secara bersumpah, Orang Kena Tuduh menyatakan bahawa beliau mula menginap di Moon Light Hotel pada 29 Mac 1985 pada jam selepas 10.00 pagi. Menurut beliau, beliau masuk ke hotel bersama dengan 2 orang kawannya, Ah Leng dan Rosli. Beliau menyatakan bahawa beliau pergi ke Kuantan Restoran pada waktu malam jam 12.10 minit pada 30 Mac 1985. Sesampai di Kuantan Restoran beliau memanggil pelayan restoran untuk membawa makanan. Ketika sedang beliau makan terlihat sebuah kereta putih jenis Datsun 180-K di Jalan Mahkota. Penumpang-penumpang kereta itu menunjuk-nunjukkan tangan mereka kearahnya. Selain dari motokar Datsun itu, beliau juga terlihat sebuah motosikal dengan dua orang pemboncengnya yang membawa senjata panjang. Ketika menanti bil

makanan, beliau terlihat Pemangku Penguasa Polis datang dari depan restoran itu. Menurut Orang Kena Tuduh, senjata api yang dikatakan dijumpai semasa beliau diperiksa di Restoran Kuantan itu sebenarnya tidaklah dijumpai ketika itu. Menurut Orang Kena Tuduh, Pemangku Penguasa Polis Azman ketika dibawa ke Bilik No.28 di Moon Light Hotel, mengeluarkan sepucuk pistol dari bawah tilam di dalam bilik itu dan menyerahkan kepada Pemangku Penguasa Polis Keshab. Menurut Orang Kena Tuduh juga beliau membawa banyak wang kerana terdapat satu kes pembunuhan di Balai Polis Ampang yang diketahuinya melalui surat khabar. Orang Kena Tuduh berkata yang kawan-kawannya memberitahu beliau bahawa pihak polis mempunyai saksi yang menyatakan mereka lihat Orang Kena Tuduh melakukan 2 pembunuhan. Oleh itu, Orang Kena Tuduh menelefon rumahnya dan bercakap dengan kedua ibu-bapanya serta meminta wang kerana beliau akan ke Thailand. Orang Kena Tuduh mendakwa bahawa beliau dipukul semasa beliau berada di bilik Pemangku Penguasa Polis Keshab. Beliau juga mendakwa bahawa beliau telah membuat 2 penyataan beramaran di bawah s. 113 Kanun Acara Jenayah.

**Diputuskan:**

**[1]** Fakta-fakta yang berkait rapat untuk membuktikan kedua-dua tuduhan terhadap Orang Kena Tuduh ialah berkenaan dengan terjumpanya senjata api dan dua butir peluru. Pihak pendakwa mendakwa bahawa kedua-dua barang tersebut dijumpai hasil dari pemeriksaan tubuh badan lelaki cina itu di kaki lima Kuantan Restoran pada jam lebih kurang 12.30 pagi pada haribulan berkenaan. Pihak pembela pula menyatakan bahawa pistol tersebut dijumpai di bawah tilam di bilik No.28 Moon Light Hotel. Pihak pembela langsung tidak memeriksa balas (cross-examine) mana-mana saksi utama samada Pemangku Penguasa Polis Keshab atau Pemangku Penguasa Polis Azman tentang di mana terjumpanya senjata api tersebut.

**[2]** Pihak pembela gagal untuk mendatangkan keraguan yang munasabah (to create a reasonable doubt) terhadap kes pendakwaan. Dalam pemeriksaan balas, Orang Kena Tuduh tidak dapat memberikan sebarang sebab mengapa saksi-saksi pendakwaan iaitu Pemangku Penguasa Polis Keshab dan Pemangku Penguasa Polis Azman boleh membuat fitnah kepada Orang Kena Tuduh dengan menyatakan bahawa senjata api itu (termasuk peluru) dijumpai di pinggang Orang Kena Tuduh dan tiada pula sebab mengapa Mahkamah tidak boleh menerima keterangan-keterangan kedua pegawai polis itu sebagai keterangan yang jujur dan benar.

**[3]** Keterangan-keterangan dari Orang Kena Tuduh selain daripada yang membabitkan senjata api diutamakan di Mahkamah untukmendatangkan kesangsian terhadap keterangan saksi pihak pendakwa khususnya keterangan yang diberikan oleh Pemangku Penguasa Polis Keshab dan Pemangku Penguasa Polis Azman.

**[4]** Kegagalan pihak polis untuk menyediakan senarai geledah pada hari dan waktu tersebut hanyalah digunakan sebagai asas bagi mencurigai kejujuran Pemangku Penguasa Polis Keshab. Tetapi barang-barang yang digunakan oleh pihak pembela untuk maksud itu jelas bahawa barang-barang itu tiada kaitan langsung dengan barang-barang yang disabitkan dalam tuduhan (pistol dan 2 butir peluru).

**[5]** Tujuan pihak pembela memanggil Penolong Pengurus Bank sebagai saksinya tiada kena-mengena dengan memiliki senjata api yang boleh mengwujudkan satu kesalahan yang boleh membawa hukuman mati mandatory.

**[6]** Dari segi keterangan Orang Kena Tuduh yang lain, Mahkamah meragui samada Orang Kena Tuduh ialah seorang saksi yang boleh dipercayai. Dalam pemeriksaan balas Orang Kena Tuduh, Orang Kena Tuduh sudah siap sedia dengan jawapan bagi tiap soalan.

**[7]** Berkenaan dengan dua penyataan beramaran (cautioned statement) terpulanglah kepada pihak pendakwa samada hendak menggunakan penyataan-penyataan tersebut. Oleh kerana pihak pendakwa dapat menggunakan dua orang saksi untuk mengemukakan keterangan langsung (direct evidence) pengenepian penyataan beramaran itu oleh pendakwa tidaklah relevan lagi, walaupun penyataan itu mungkin dirakamkan dengan menggunakan kekerasan, paksaan atau pujukrayu. Pada pendapat Mahkamah keterangan yang dibuat oleh Orang Kena Tuduh berkenaan dengan pernyataan beramaran itu tiada nilai apa-apa pun untuk mendatangkan keraguan atau pencemaran ke atas kes pendakwa.

**[8]** Ketika Orang Kena Tuduh diperiksabalas, mangapa Orang Kena Tuduh tidak memeriksabalas Pemangku Penguasa Polis Azman dan mencabar terhadap rampasan pistol itu, Orang Kena Tuduh mengatakan bahawa peguamnya memberitahunya supaya berdiam diri sekiranya saksi polis tersebut bercakap bohong. Walau bagaimanapun, peguam Orang Kena Tuduh tidak menyentuh langsung tentang pengesanan dan rampasan pistol itu semasa memeriksabalas Pemangku Peguasa Polis Keshab ataupun Pemangku Peguasa Polis Azman.

**[9]** Selain daripada itu keterangan diberikan oleh ibu dan bapa Orang Kena Tuduh juga berbeza dan mahkamah membuat kesimpulan bahawa ibu Orang Kena Tuduh tidaklah benar-benar ingin menyokong keterangan bapa Orang Kena Tuduh.

**[10]** Di samping itu adalah jelas bahawa dengan ketiadaan pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwa iaitu Pemangku Penguasa Polis Keshab dan Pemangku Penguasa Polis Azman oleh pihak pembela terhadap pengesanan dan rampasan pistol yang berkenaan maka dari segi undang-undang apa yang dikatakan oleh saksi-saksi itu (bahawa pistol itu telah dijumpai di pinggang Orang Kena Tuduh dan selepas itu dirampas semasa berada di Kuantan Restoran) terpaksa dianggap sebagai keterangan yang tidak boleh diragukan (mistaken). Ini bermakna sebagai penerimaan keterangan saksi-saksi itu.

**[11]** Oleh kerana Mahkamah tidak mempunyai sebab untuk tidak boleh menerima keterangan kedua-kedua saksi pendakwa sebagai benar dan tidak boleh menafikan bahawa keterangan yang diberikan oleh kedua-dua pendakwa itu bukanlah keterangan 'incredible' atau 'of romancing character' yang menjadikan pemeriksaan balas tidak perlu; maka pihak pembela tidak berjaya mendatangkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan kedua-dua tuduhan terhadap Orang Kena Tuduh telah terbukti.

*[OKT didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua tuduhan.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**
*P.P. v. Sihabduin [1980] 2 MLJ 273*
*Wong Swee Chin v. P.P. [1981] 1 MLJ 212*

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, s. 113
Internal Security Act 1960, s. 57(1)(a), (b)

*Bagi pihak Pembelaan - Mohammed Musa bin Mohammed Haneefa; M/s. Bahari Choy & Nongchik*
*Bagi pihak Pendakwaan - Allaudeen bin Ismail, DPP*

## PENGHAKIMAN

**Lamin Mohd. Yunus H:**

Orang Yang Kena Tuduh (OKT) telah dihadapkan dengan dua tuduhan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 iaitu bagi tuduhan pertama ia telah dituduh memiliki sepucuk pistol tanpa kebenaran yang sah dan kedua kerana memiliki dua butir peluru pistol

dan oleh itu telah melakukan kesalahan masing-masingnya di bawah s. 57(1)(a) dan (1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang berkenaan dan kedua-dua tuduhan itu adalah seperti berikut:

*Tuduhan Pertama*: Bahawa kamu pada 30 Mac 1985 jam lebih kurang 12.30 pagi di Restoran Kuantan, No.31, Jalan Mahkota, Kuantan, di dalam Daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang, iaitu satu kawasan keselamatan sepertimana yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui PU(A)148 bertarikh 15 Mei 1969, telah didapati memiliki senjata api iaitu sepucuk pistol jenis Colt. 32 Model Police positive Special bernombor 441861 tanpa kebenaran yang sah dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah s.57(1)(a) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

*Tuduhan Kedua*: Bahawa kamu pada 30 Mac 1985 lebih kurang jam 12.30 pagi di Restoran Kuantan, No.31, Jalan Mahkota, Kuantan, di dalam Daerah Kuantan, di dalam Negeri Pahang, iaitu satu kawasan keselamatan sepertimana yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui PU(A)148 bertarikh 15 Mei 1969, telah didapati memiliki 2 butir peluru jenis 32 Colt NP (W-W) tanpa kebenaran yang sah dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah s.57(1)(b) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Pembicaraan kes ini telah bermula pada 8 November 1989 dan telah berakhir pada 17 November 1989 di mana O.K.T didapati bersalah dalam kedua-dua tuduhan dan disabitkan. Oleh itu ia telah dihukum dengan hukuman mati.

Fakta-fakta untuk membuktikan kes bagi pihak pendakwa adalah seperti berikut. Pada 30 Mac 1985 jam lebih kurang 12.00 tengah malam Pemangku Penguasa Polis Encik Keshab Chakrabarty (PW1) telah menerima satu maklumat melalui talipon mengatakan bahawa ada seorang lelaki Cina memiliki senjata api dan ianya sedang berada di Restoran Kuantan, Jalan Mahkota, Kuantan. Selepas menerima maklumat itu iapun terus pergi ke Balai Polis, Daerah Kuantan di mana pada masa itu ia memegang jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah (Jenayah) Kuantan dan di sana ia telah menemui Penolong Penguasa Polis Azman bin Yusof (PW2), Inspektor Luthfi, DPC Ismail dan DPC Mat Ripin dan memaklumkan kepada semua anggota polis tersebut akan tujuannya di samping memberi arahan. Ia telah mengarahkan kedua-dua DPC iaitu Ismail dan Mat Ripin mengikutnya dengan menaiki motorsikal sementara PPP Azman dan Inspektor Luthfi mengikutnya bersama menaiki keretanya. Kedua-dua kenderaan itu pun bergerak dan menuju ke Suraya Hotel melalui Jalan Mahkota. Apabila tiba sahaja di Suraya Hotel PPP Keshab Chakrabarty pun mengarahkan kedua-dua DPC tadi menuju ke Kuantan Restoran dengan mengikut lorong belakang sementara PPP Keshab bersama dengan PPP Azman berjalan kaki mengikut kaki lima kedai sebaris dengan hotel itu juga menuju ke Kuantan Restoran. Di samping itu Inspektor Luthfi pula telah diarahkan berjalan kaki juga menuju ke arah Kuantan Restoran tetapi di seberang jalan, Jalan Mahkota. Semasa PPP Keshab berjalan menuju ke Kuantan Restoran, PPP Azman mengikutnya dari belakang.

Apabila sampai di Kuantan Restoran PPP Keshab lihat ada sebuah meja terletak di atas kaki lima restoran itu dan di meja itulah ia nampak seorang lelaki Cina yang dicamnya sebagai orang yang dimaksudkan mengikut maklumat yang telah diterimanya itu. Pada masa ia sampai di restoran itu lelaki Cina itu sedang duduk di meja seorang diri sahaja dan setelah menghampiri meja tersebut PPP Keshab di samping mengeluarkan senjatanya telah memekik "Polis!" dan meminta lelaki Cina itu berdiam diri serta mengacukan pistolnya kepada kepala lelaki Cina itu. Pada ketika itu juga PPP Azman yang sedang mengikutinya dari belakang ternampak lelaki Cina itu berdiri serta menurunkan tangan kanannya perlahan-lahan ke arah pinggangnya. PPP Azman pun mengeluarkan pistolnya serta memekikkan perkataan "polis!" dan terus mengacukan pistolnya ke belakang kepala lelaki Cina itu. Lantas ia pun diarah oleh

PPP Keshab untuk memeriksa lelaki Cina itu. PPP Azman pun terus memeriksa tubuh badan lelaki Cina itu dan di bahagian hadapan sebelah kanannya terdapat sepucuk pistol, terus dirampasnya dan diserahkannya kepada PPP Keshab Chakrabarty. PPP Keshab pun memeriksa pistol itu dan didapati di dalam chambernya ada dua butir peluru dan kemudian dimasukkan ke dalam koceknya. Sementara itu kedua DPC itu pun sampai dan DPC Mat Ripin, atas arahan, telah menggari lelaki Cina itu. Seterusnya PPP Keshab pula memeriksa lelaki Cina itu dan dari koceknya ia telah memperolehi satu dompet duit atau beg duit warna coklat jenis Dunhill dan satu paspot antarabangsa Malaysia dan dalam paspot itu terdapat satu kad pengenalan dan satu kunci bernombor 28. Selepas disoalsiasat di situ lelaki Cina tadi (iaitu O.K.T.) telah membawa kesemua anggota polis ke Moonlight Hotel di Jalan Teluk Sisek, Kuantan di mana O.K.T. telah membawa mereka ke bilik hotel bernombor 28. Dengan menggunakan kunci No. 28, bilik hotel itu pun dibuka dan diperiksa. Dari bilik itu cuma terdapat sebuah beg hitam yang berisi kain baju dan selepas itu O.K.T. pun dibawa balik ke Balai Polis Daerah Kuantan. Sebelum beredar dari Moonlight Hotel itu kunci bilik 28 itu telah diserahkan kepada penjaga hotel yang berkenaan. Semasa berada dibilik No. 28 Moonlight Hotel PPP Keshab juga telah mengambil dua (2) bentuk cincin dari O.K.T. Apabila sampai di Balai Polis Daerah Kuantan, PPP Keshab telah memberitahu kepada seorang Korporal yang bertugas di Bilik Pertanyaan (Enquiry Office) terhadap tangkapan dan rampasan senjata api tadi. Selepas itu iapun pergi ke pejabatnya membawa bersama O.K.T. dengan diikuti oleh semua anggota polis di bawah arahannya itu. Semasa berada di biliknya O.K.T. telah diperiksa sekali lagi tetapi tiada apa-apa barang yang dilarang oleh undang-undang dijumpai. Dompet duit yang telah dirampas daripada O.K.T. itu telah diperiksa dan terdapat dalam dompet itu wang tunai Malaysia berjumlah $393 dan sekeping wang tunai Amerika Syarikat berharga $5. Senjata api tadipun diperiksa lagi dan didapati ianya berjenis revolver Polis Special 0.32 - 0.20 Serial No:441861. Selepas itu PPP Keshab pun membuat satu laporan polis di atas borang 55 dan menyerahkannya kepada Enquiry Office untuk dijadikan Laporan Polis Kuantan (P10).

Pegawai Persenjataan dari Kontinjen Polis Pahang, PPP Effendi Tay (PW 3) telah mengesahkan bahawa senjata api yang telah dirampas daripada O.K.T. itu ialah sepucuk revolver jenis Colt caliber 0.32 model Polis Special 32-20 WCF Serial No:441861 bahawa ianya masih boleh digunakan. Pegawai tersebut juga telah mengesahkan bahawa dua butir peluru yang telah dijumpai berada di dalam chamber revolver yang sama semasa senjata api itu dirampas adalah peluru hidup jenis W-W 0.32 Colt N.P. [Exhibit: P1 (Revolver) Exhibit P2A (peluru hidup), P2B (kelonsong peluru yang telah diuji), P2C (slug dari peluru yang sama yang telah diuji itu).

Paspot Antarabangsa Malaysia (P3) yang telah dirampas dari O.K.T. mengandungi nama O.K.T. sendiri sementara kad pengenalan yang terdapat di dalamnya (P4) Nombor 6326061 mempunyai nama “Che Yusoff bin Che Husain”.

Inspektor Abdul Karim bin Baba (PW4) Pegawai Penyiasat dalam kes ini, pada 8 April 1985 jam 3.40 petang telah menjalankan siasatannya berkenaan bilik No. 28 di Moonlight Hotel Nombor 50-52, Jalan Teluk Sisek, Kuantan. Siasatannya telah menzahirkan bahawa seorang laki-laki Cina telah menginap di bilik itu sejak 29 Mac 1985 jam 11.00 pagi. Tetapi berdasarkan buku pendaftaran hotel itu nama yang tercatit untuk bilik No. 28 ialah nama seorang laki-laki Melayu iaitu Che Yusoff bin Che Hussain No. K/P:6326061 tetapi tandatangannya pula adalah tanda tandatangan seorang lelaki Cina.

Saya telah berpuashati bahawa pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan-keterangan yang jelas dan keterangan-keterangan itu telah memberi bukti yang cukup sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang untuk membolehkan saya memanggil O.K.T. untuk membuat

pembelaan terhadap kedua-dua tuduhan. [Iaitu Reg.13 PU(A) 362 sebagaimana yang diberi pengertian oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *P.P. v. Sihabduin* [1980] 2 MLJ 273 iaitu mengikut pendapat majoriti yang berkehendakkan prima facie kes dibuktikan oleh pihak pendakwa]. O.K.T. memilih memberi keterangan secara bersumpah. Mengikut keterangannya ia telah mula menginap di Moonlight Hotel pada 29 Mac 1985 pada jam selepas 10.00 pagi. Katanya ia telah masuk (check-in) ke hotel tersebut bersama-sama dua orang kawannya yang lain dan mereka ialah seorang lelaki Cina dan seorang lelaki Melayu. Lelaki Cina itu bernama Ah Heng dan lelaki Melayu itu bernama Rosli. Ia mengaku bahawa untuk maksud checking-in ia telah menggunakan kad pengenalan di bawah nama Che Yusoff bin Che Hussain (P4). Dalam pemeriksaan utama (Examination-In-Chief) O.K.T., ia menyatakan bahawa ia pergi ke Kuantan Restoran pada waktu malam jam 12.10 minit pada 30 Mac 1985. Katanya lagi ia turun dari bilik Moonlight Hotel itu bertiga bersama-sama pada malam itu tetapi Ah Heng hendak keluar pergi mencari kereta sementara Rosli hendak pergi membeli barang-barang. O.K.T. pergi ke Kuantan Restoran seorang diri sahaja. Sesampai sahaja di Kuantan Restoran ia pun memanggil pelayan restoran untuk membawa makanan. Beberapa ketika kemudian semasa ia makan ia nampak satu kereta putih di Jalan Mahkota nombornya ia tidak ingat, tetapi keretanya jenis Datsun 180-K. Semasa kereta itu melintasi Kuantan Restoran, kata O.K.T. lagi ia terlihat orang dari dalam kereta itu menunjuk-nunjukkan tangan mereka ke arahnya dan oleh itu iapun terus membuat urusan untuk membayar bil makanan tadi. Selain dari motokar Datsun itu, ia juga ternampak satu motorsikal dengan dua orang menaikinya dan mereka bawa senjata panjang. Dalam menanti bil makanan tiba ia ternampak PPP Keshab datang dari depan kedai restoran itu dan iapun duduk mendiamkan dirinya. Apabila PPP Keshab sampai berhampiran dengan O.K.T., PPP Keshab pun mengeluarkan pistolnya serta berkata "polis!" dan mengacukannya kepada kepala O.K.T. Dengan seketika itu juga seorang lagi anggota polis iaitu PPP Azman datang dari belakangnya dan juga memekikkan perkataan "polis" dan menyuruh O.K.T. bangun. Kemudian PPP Azman menyuruh O.K.T. angkat kedua-dua tangannya dan iapun memeriksa badan O.K.T. hingga ke kakinya. Selepas itu PPP Keshab merampas paspot O.K.T. bersama dengan beg duitnya dan O.K.T. pun digari. Semasa itu O.K.T. memakai seluar panjang hitam dan baju berwarna hijau campur biru. Ia juga memakai seutas jam tangan dan dua bentuk cincin. Selepas itu ia diperiksa oleh PPP Keshab. PPP Keshab juga memanggil orang yang bekerja di Restoran Moonlight Hotel serta meminta bil makan O.K.T. dan membayarnya dengan duit yang terdapat dari dalam beg duit O.K.T. O.K.T. juga mengaku yang ia membawa kunci bilik No. 28 iaitu bilik di Moonlight Hotel. O.K.T. juga mendakwa bahawa anggota-anggota polis yang ada bersama meminta rokok Dunhill satu bungkus kerana O.K.T. menghisap rokok Dunhill, dan rokok Marlboro dua bungkus dan satu bungkus rokok Salem. Semuanya itu dibayar dengan duit O.K.T. Mengikut O.K.T. jumlah wang dalam beg duitnya itu ada lebih daripada $400. O.K.T juga menyatakan bahawa paspotnya tidak diperiksa pada masa itu dan juga kad pengenalan (P4) tidak juga dijumpai semasa polis ada di restoran itu. Mengikut O.K.T. lagi senjata api yang dikatakan oleh saksi-saksi pendakwa telah dijumpai semasa dia diperiksa di Restoran Kuantan itu sebenarnya tidak dijumpai di tubuh badannya semasa dia diperiksa oleh polis di situ. Selepas menanyakan akan hal kunci bilik hotel No. 28 O.K.T. pun membawa semua anggota polis yang ada di situ pergi ke Moonlight Hotel dan terus menuju ke bilik No. 28. Selepas pintu bilik itu dibuka oleh polis, PPP Keshab dan PPP Azman pun masuk dan menggeledah dalam bilik itu. Beg O.K.T. yang ada di bilik itu diperiksa. Mengikut O.K.T. lagi PPP Azman pula mengeluarkan sepucuk pistol dari bawah tilam dalam bilik itu dan menyerahkannya kepada PPP Keshab. PPP Keshab pun mengambil pistol itu dan terus masukkan ke dalam poketnya. Dia tidak memeriksa pistol itu, dia cuma tengok dan kemudian dimasukkannya ke dalam poketnya. Selepas itu kata O.K.T. lagi polis pun membawanya balik ke Balai Polis Daerah Kuantan.

Katanya ia dibawa ke Pejabat PPP Azman dahulu di mana seorang Inspektor datang dan mengambil kedua-dua bentuk cincin daripadanya dan juga jam tangannya. Kemudian ia dibawa pula ke bilik Pejabat PPP Keshab. Apabila O.K.T. masuk ke pejabat PPP Keshab katanya ia nampak begnya yang berisi kain bajunya itu sudah dibuka dan barang-barang habis dikeluarkan dari beg itu. O.K.T. mendakwa juga bahawa satu jaket berwarna coklat yang dijumpai di bilik No. 28 Moonlight Hotel diletakkan jauh di tepi bilik PPP Keshab. Di atas meja PPP Keshab, O.K.T. nampak paspotnya, beg duitnya, dua bentuk cincin, gambar seorang perempuan Melayu dan juga gambarnya sendiri. Tetapi ia tidak nampak jamnya yang telah diambil daripadanya semasa dia berada di pejabat PPP Azman. Selain daripada wang tunai tersimpan dalam beg duit itu O.K.T. juga mengatakan bahawa di dalam paspotnya ia ada wang Malaysia sebanyak $18,000, iaitu dua belas keping kertas berharga seribu ringgit sekeping dan dua belas keping berharga lima ratus ringgit sekeping. Selain dari itu ia juga menyimpan dalam poket paspotnya 6 keping gambarnya sendiri, satu keping gambar perempuan Melayu, business calling card, dan juga sekeping kertas di mana tercatit butir-butir mengenai dari mana datangnya wang $18,000 itu. Mengikut kata O.K.T. (dalam pemeriksaan utamanya) ia membawa banyak duit kerana ada satu kes di Balai Polis Ampang, Selangor iaitu satu kes bunuh sepertimana yang ia ketahui melalui suratkhabar.

Mengikut berita suratkhabar itu pihak polis hendak mencari O.K.T. berkaitan dengan satu kes bunuh, O.K.T. berkata lagi bahawa mengikut apa yang didengar oleh kawan-kawannya bahawa polis mempunyai saksi yang mengatakan mereka nampak O.K.T. membunuh dua orang, oleh itu kawan-kawannya itu menyuruh ia lari. Kerana itulah O.K.T. menalipon rumahnya dan bercakap dengan bapa dan emaknya serta meminta wang kerana ia hendak pergi ke Thailand. Kata O.K.T. lagi bahawa saudaranya semua sudah tahu yang polis hendak mencarinya dan mereka semua tolong memberi wang supaya membolehkan O.K.T. lari ke Thailand dan mereka memberitahu O.K.T. supaya jangan balik lagi.

O.K.T. mendakwa semasa ia ada di bilik PPP Keshab dan apabila PPP Keshab keluar dari bilik itu enam orang yang ada di bilik itu mulai memukulnya untuk mendapat maklumat dari mana O.K.T. dapat pistol itu. Apabila O.K.T. menjawab bahawa ia tidak tahu, ia dipukul lagi. Kemudian PPP Keshab masuk dalam biliknya semula dan orang-orang itu tadi berhenti memukulnya. Kemudian PPP Keshab mengarahkan orang-orang itu membuka seluar dan baju O.K.T. dan juga kasutnya. Di samping itu mereka diarah mengambil sepasang seluar pendek dari begnya dan menyuruh O.K.T. memakai seluar pendek itu dan baju serta seluar yang ditanggalkan tadi dimasukkan ke dalam beg O.K.T. Apabila beg itu hendak ditutup O.K.T. pun bertanya kepada PPP Keshab dan PPP Azman berkenaan jaket yang telah dijumpai dahulu. Mereka memberitahu bahawa jaket itu bukan O.K.T. punya tetapi jaket itu telah dijumpai di Moonlight Hotel bilik No. 28. Kemudian O.K.T. dimasukkan ke dalam lockup. Sebelum keluar dari bilik PPP Keshab O.K.T. juga ada bertanya mengapa dia tidak diberitahu akan jumlah wang yang telah dirampas daripadanya. Mereka menjawab bahawa semuanya itu akan dijadikan barang kes.

OKT juga mendakwa bahawa semasa dalam tahanan polis ia telah membuat dua kenyataan (statement) kepada polis. Apa yang dimaksudkan ialah kenyataan kepada polis dibuat di bawah s.113 Kanun Acara Jenayah iaitu kenyataan beramaran. Bagi kali pertama Inspektor Mokhtar telah merekodkan statementnya dan yang keduanya pula direkodkan oleh PPP Nor Hashim. Pada kali pertama O.K.T. berkata lagi apabila ia ditanya oleh Inspektor Mokhtar daripada siapa ia (O.K.T.) telah dapat pistol itu, O.K.T. menjawab tidak tahu dan dengan itu O.K.T. dipukul lagi oleh polis. Kemudian O.K.T. telah bertanya kepada Inspektor Mokhtar dalam Bahasa Inggeris seperti berikut: “Does the law say you can beat the Malaysian citizen when no one says he is guilty?” Inspektor Mokhtar marah apabila mendengar perkataan itu dan Inspektor Mokhtar cakap “awak mahu cakap law”. Dia pun keluar dari bilik dan lepas itu

dua orang lain masuk dan pukul O.K.T. lagi. Mereka pun bercakap bahawa kalau mahu cakap law inilah law! Dia pun dipukul. Mereka bercakap lagi "kalau mahu cakap law tunggu pergi ke Mahkamah, baru cakap, sini balai, kalau awak cakap baik, saya mahu tolong awak." Mengikut kata OKT lagi PPP Keshab pula menyebut berkenaan wangnya tetapi menyuruh saya diam dan jangan beritahu orang dan ia meminta nombor talipon OKT. Kedua-dua statement yang OKT buat kata OKT ada betul isinya dan ada tidak betul. Kata OKT bahawa apabila ia bercakap betul ia tidak dipercayai dan bila ia cakap tidak betul ia dipercayai pula. Ia tidak tahu orang yang memukulnya tetapi ia boleh cam rupanya.

OKT menyatakan bahawa ia tidak tahu berkenaan dengan pistol yang dijumpai dibilik No.28 Moonlight Hotel.

Dalam pemeriksaan utamanya (Examination-in-Chief) OKT telah mengemukakan pada Mahkamah sebagai barang kes iaitu beg hitam (D24) yang telah dijumpai oleh polis dibilik No.28 Moonlight Hotel pada hari OKT ditangkap. Dari beg itu OKT telah mengeluarkan pakaiannya iaitu beberapa helai baju dan seluar termasuk satu baju yang kecil (D25) yang tidak sesuai dengan badannya. Mengikut dakwaan OKT baju itu dipunyai oleh Rosli. OKT cuba memberi sebab-sebab bagaimana baju (D25) itu terdapat dalam begnya. Kata OKT baju itu tertinggal dibilik No.28 dan tidak dipakainya oleh kerana baju itu telah kotor dan Rosli sudah pun mendapat gantinya selepas membelinya dengan wang daripada OKT. Mengikut OKT barang-barang yang ditinggalkan oleh Rosli ialah baju (D25) dan jeket berwarna choklat yang ia ternampak dibilk PPP Keshab.

Fakta-fakta yang ada kaitan rapat untuk membuktikan kedua-dua tuduhan terhadap O.K.T. ialah berkenaan dengan terjumpanya senjata api dan dua butir peluru. Apa yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwa ialah sepucuk pistol yang berisi dengan dua butir peluru telah didapati dari pinggang O.K.T. oleh PPP Azman semasa ia memeriksa tubuh badan O.K.T. dan diperhatikan oleh PPP Keshab. Semuanya itu telah berlaku di kaki lima Kuantan Restoran pada jam 1.k. 12.30 pagi pada hari yang berkenaan. Sebaliknya pihak pembela, iaitu O.K.T. menidakkan cerita dari pihak pendakwa dengan menyatakan bahawa senjata api itu telah dijumpai oleh PPP Azman di bawah tilam di bilik No. 28 Moonlight Hotel dan kemudian PPP Azman pun menyerahkan senjata api itu kepada PPP Keshab dan terus dimasukkan ke dalam poketnya. Dia tidak periksa pistol itu di situ, dia cuma tengok pada pistol itu sebelum dia memasukkannya ke dalam poketnya. Ingin saya menarik perhatian di sini bahawa pihak pembela tidak pun memeriksabalas (Cross-Examine) mana-mana saksi yang utama, PPP Keshab dan PPP Azman mengenai di mana terjumpanya senjata api itu.

Selain daripada itu O.K.T. telah banyak menceritakan perkara-perkara yang lain yang tidak ada kaitan dengan senjata api yang berkenaan. Keterangan-keterangan O.K.T. yang lain itu cuma menyentuh perjalanannya dari satu tempat ke satu tempat serta hubungannya dan sebab-sebab mengapa dia menginap dari satu hotel ke satu hotel yang lain dan apa tujuannya dan begitu juga terhadap banyaknya wang yang dibawanya. Selepas meneliti keseluruhan keterangan-keterangan yang ada dengan rapinya khususnya keterangan-keterangan pihak pembela untuk membuat kepastian samada pihak pembela berjaya mendatangkan keraguan yang munasabah (to create a reasonable doubt) terhadap kes pendakwaan, pada hemat saya pihak pembela tidak berjaya untuk mendatangkan keraguan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang terhadap kes pendakwaan. Dalam pemeriksaanbalas (Cross-Examination) O.K.T. tidak dapat memberi sebarang sebab mengapa saksi-saksi pendakwaan iaitu PPP Keshab dan PPP Azman boleh membuat fitnah kepada O.K.T. dengan mengatakan bahawa senjata api itu (termasuk peluru) dijumpai di pinggang O.K.T. dan di samping itu pula tiada sebab mengapa saya tidak boleh menerima keterangan-keterangan kedua-dua pegawai polis itu sebagai keterangan yang jujur dan benar.

Akan keterangan-keterangan O.K.T. yang lain itu iaitu selain daripada yang membabitkan senjata api nampaknya ianya cuma hendak mengutarakan dua perkara. Pertama, O.K.T. bertujuan hendak mendatangkan kesangsian (discredit) terhadap keterangan saksi pihak pendakwa khususnya keterangan yang diberi oleh PPP Keshab dan PPP Azman. Kedua, dengan menceritakan perjalanannya balik dari Thailand dengan tujuan dan matlamat untuk mendapatkan wang begitu banyak dengan membabitkan juga kononnya dua rakan yang lain iaitu Ah Heng dan Rosli serta Tony dan juga ibu dan bapanya O.K.T. bertujuan mungkin hendak menunjukkan bahawa yang O.K.T. datang ke Kuantan itu tidak ada maksud jenayah dan tidak ada membawa barang-barang yang menyalahi undang-undang seperti senjata api tetapi cuma untuk menempuh lalu di Kuantan dalam perjalanannya hendak melarikan dirinya dari suatu tomahan jenayah terhadap dirinya.

Dalam serbuan yang dijalankan oleh anggota polis pada hari dan waktu tersebut pihak polis tidak mengadakan search list (senarai geledah) dan cuma menamakan barang-barang yang dirampas di dalam satu laporan polis sahaja. Oleh itu saya perhatikan bahawa dalam usaha untuk cuba mendatangkan kesangsian terhadap saksi-saksi pihak pendakwa, pihak pembela telah menggunakan akan ketiadaan senarai geledah itu sebagai asas untuk mencurigai kejujuran PPP Keshab. Tetapi barang-barang yang digunakan oleh pihak pembela untuk maksud itu jelas bahawa barang-barang itu tidak ada kaitan langsung dengan perkara atau barang-barang yang disabitkan dalam tuduhan. Oleh itu tidak perlulah diambilkira untuk membuat kepastian terhadap samada usaha pihak pembela berjaya untuk mendatangkan keraguan terhadap kes pendakwa.

Satu perkara lagi apakah tujuan pihak pembela untuk memanggil saksinya yang keempat (DW4) iaitu seorang Penolong Pengurus Bank, Cawangan Kuantan. Apa yang jelas dari keterangan DW4 ini ialah untuk menunjukkan sehelai daripada wang kertas satu ringgit Malaysia (P6A) yang mana telah dirampas dari O.K.T. pada 30 Mac 1985 telah dikeluarkan oleh Bank Negara untuk peredaran pada 11 Julai 1989. Pegawai yang berkenaan hanya mempunyai kuasa untuk menentukan sesuatu wang kertas yang mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri yang tertentu seperti nombor serial dan cara-cara mana kedudukannya dan di mana terletaknya dan tandatangan siapa, bila masanya wang itu dikeluarkan untuk kegunaan orang ramai. Dengan keterangan itu soalnya samada ia boleh mendatangkan keraguan terhadap keterangan dari pihak polis yang membuat penyerbuan samada mereka itu boleh atau berkeupayaan membuat fitnah dengan mengada-adakan barang yang tidak ada. Pada hemat saya pertamanya wang itu adalah satu perkara yang tidak ada kaitan dengan memiliki senjata api yang boleh mewujudkan satu kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati mandatory. Di samping itu sayaperhatikan bahawa saksi-saksi pihak pendakwa tidak diperiksabalas terhadap wang kertas seringgit itu setidak-tidaknya untuk memberi peluang kepada saksi-saksi yang berkenaan untuk memberi penjelasan. Mungkin ini telah berlaku kerana kesilapan bagi sesuatu kes dan suatu kesilapan yang tidak berniat jahat tidak semestinya memusnahkan kejujuran seseorang itu atau kejujuran seseorang itu disyaki.

Akan aspek-aspek keterangan O.K.T. yang lain saya fikir tidak perlu saya menyentuh dengan begitu panjang lebar. Mencukupilah bagi saya dengan menyentuh tiap-tiap perkara yang lain itu dengan secara ringkas sahaja. Pertama, ingin saya membuat pandangan terhadap cara O.K.T. memberi keterangan. Dalam pemeriksaanbalas O.K.T., saya perhatikan bagi tiap-tiap soalan ia sudah siap sedia dengan jawapannya yang mana memberi keraguan kepada saya samada O.K.T. ini seorang saksi yang boleh dipercayai. Soal ia keluar masuk di antara Thailand dan Malaysia misalnya ia menyatakan bahawa ia sendiri tidak tahu bagaimana hendak balik keluar ke Malaysia dari Thailand melalui cara sulit iaitu dengan menyeberangi sungai di

sempadan Siam dengan Kelantan supaya tidak dikesan oleh pihak berkuasa. Ia menyatakan berkali-kali bahawa yang ia tidak tahu. Akhir-akhirnya ia bersetuju bahawa seorang kongsi gelap seperti ia juga, mestilah tahu di mana jalan keluar masuk secara sulit.

Satu perkara lagi ialah O.K.T. cuba menunjukkan bahawa cara bergerak ialah dengan melakukannya supaya susah dikesan kerana ia dikehendaki oleh pihak polis. Misalnya apabila O.K.T. sampai kononnya daripada Kelantan dan apabila sampai di Kuantan dengan menaiki bas, mula-mula ia masuk menginap di Hotel Bunga Raya, Jalan Besar, Kuantan dan kemudiannya di Hotel Moonlight. Untuk checking-in di Hotel Bunga Raya (Hotel Raya) ia menggunakan namanya tetapi tandatangannya sungguh berlainan. Di Hotel Moonlight pula ia mendaftarkan dirinya dengan menggunakan kad pengenalan orang lain iaitu seorang Melayu bernama Che Yusof. Akhir-akhirnya apabila saya menyoalnya mengapa selepas turun di perhentian bas Kuantan ia pergi pula ke kedai berdua dengan Ah Heng walhal ia berdua dikehendaki oleh polis. Jawapnya ia berani berbuat demikian kerana ia telah bersolek: "dengan membubuh tanda hitam di pipi". Katanya lagi gambarnya yang tersiar dalam akhbar itu juga tidak serupa dengan rupanya. Apabila disoal lagi mengapa perlu bersolek dengan meletakkan tanda di pipi kalau gambar yang telah disiarkan itu tidak serupa dengan rupanya. Jawapnya "lebih baik kalau buat tanda" sebabnya "banyak orang ada satu tanda sahaja". (Apa yang dimaksudkan dengan tanda hitam ialah tahi lalat).

Berkenaan dengan waktu ianya sampai di Kuantan dari Kelantan pada 26 Mac 1985 katanya ia check-in di Hotel Bunga Raya pada waktu pagi dan hari sudah terang antara jam 7.00 pagi dan 8.00 pagi tetapi mengikut keterangan pengurus hotel yang berkenaan (DW 5) iaitu apa yang tercatit dalam buku daftar hotel itu O.K.T. telah didaftarkan masuk pada jam 4.05 minit pagi. Jam 4.05 minit pagi saya percaya masih gelap lagi. Oleh itu saya amat meragui akan maksud cerita O.K.T. Mengapa ia mengatakan "waktu pagi dan hari sudah terang" walhal ia sampai masih gelap lagi.

Berhubung dengan dua kenyataan police sebagaimana O.K.T. mendakwa yang ia telah berbuat dua kali iaitu pada kali pertama yang telah direkodkan oleh Inspektor Mokhtar dan yang kedua direkodkan oleh PPP Norhashim, O.K.T. menyatakan bahawa ia telah dipukul ketika kenyataan itu diambil. Nampaknya tidak begitu jelas untuk apa pihak pembela hendak mengemukakan keterangan dari O.K.T. berkaitan dengan kenyataan polis. Jika tujuannya ialah untuk mendatangkan atau mengakibatkan kesangsian terhadap keterangan mana-mana saksi pendakwa, pada hemat saya, pihak pembela telah tidak berjaya atas beberapa sebab. Pertama adalah terpulang bulat-bulat pada pihak pendakwa samada hendak menggunakan kenyataan polis beramaran bagi membuktikan kes pendakwa iaitu sebelum O.K.T. membuat pembalasannya, pihak pendakwa menggunakan dua orang saksi (PW1 dan PW2) iaitu mengemukakan keterangan yang berupa keterangan langsung (direct evidence) iaitu jenis keterangan terbaik bagi membuktikan O.K.T. "memiliki senjata api dan peluru". Apa lagi perlunya jenis keterangan lain seperti kenyataan beramaran. Jadi dalam keadaan sedemikian walaupun kenyataan beramaran itu dirakamkan dengan menggunakan kekerasan, paksaan ataupun pujuk rayu, tidak relevan lagi. Soalnya sekarang apakah nilainya di akhir kes pembelaan akan keterangan yang dibuat oleh O.K.T. sendiri dalam Mahkamah berkenaan dengan kenyataan beramarannya itu. Pada pendapat saya, ianya tidak mempunyai nilai apa-apa pun untuk mendatangkan keraguan atau pencemaran ke atas kes pendakwa.

Pihak pendakwa juga memeriksabalas O.K.T. terhadap pengesahan dan rampasan pistol daripada O.K.T. Dalam pemeriksaan utama O.K.T., O.K.T. telah menyatakan bahawa pistol itu telah dijumpai oleh PPP Azman di bawah tilam dalam bilik No. 28 Moonlight Hotel. Apabila diperiksabalas ia masih menidakkan bahawa PPP Azman menjumpai pistol itu di badannya.

Apabila diperiksabalas lagi samada ia kenal PPP Keshab dan PPP Azman sebelum 30 Mac 1985 O.K.T. mengaku bahawa ia tidak kenal mereka sebelum hari itu dan apabila diperiksabalas lagi mengapa PPP Keshab membuat laporan polis dan PPP Azman juga memberi keterangan yang sama bahawa pistol itu telah dijumpai di pinggang O.K.T., jawabnya ia tidak tahu mengapa mereka berbuat demikian. Seterusnya O.K.T. diperiksabalas mengapa O.K.T. tidak memeriksabalas PPP Azman dan mencabar terhadap rampasan pistol itu. Jawabnya, sebelum ia masuk ke dalam mahkamah peguamnya memberitahunya sekiranya saksi polis cakap bohong ia mestilah diam. Saya ingin mengulangi di sini bahawa peguam O.K.T. memang tidak menyentuh sedikitpun berkenaan pengesanan dan rampasan pistol itu semasa memeriksabalas samada PPP Keshab ataupun PPP Azman. O.K.T. diperiksabalas lagi dengan mengatakan bahawa PPP Keshab dan PPP Azman tidak ada sebab mengapa mereka hendak menganiayai O.K.T. O.K.T. tidak memberi jawapan apa-apa tetapi cuma berkata bahawa ia sendiri memikirkan mengapa mereka berbuat demikian.

Seperkara lagi saya ingin menyentuh secara ringkas sahaja keterangan bapa O.K.T. (DW2) bersama dengan emaknya (DW3). Bapanya telah menyatakan bahawa sebelum ia mendapat tahu akan anaknya telah ditangkap oleh polis di Kuantan melalui suratkhabar, anaknya telah balik ke rumahnya di Oversea Union Garden, Jalan Klang, Kuala Lumpur bersama dengan seorang kawannya dan anaknya juga telah berjumpa dengan emaknya. Katanya anaknyabalik dan telah mengambil satu beg hitam berisi pakaian. Beg hitam itu ialah D24. Emaknya juga menyatakan bahawa ia telah mengetahui yang anaknya telah ditangkap oleh pihak polis melalui suratkhabar. Pada awalnya ia telah menyatakan bahawa ia tidak jumpa dengan anaknya (O.K.T.) selepas atau sebelum membaca suratkhabar. Sebelum ia membaca berita melalui suratkhabar itu emak O.K.T. berkata ia tidak pernah menerima apa-apa berita dari O.K.T., juga dia menyatakan suaminya pun tidak menerima sebarang berita dari O.K.T. Keterangan ini sudah bertentangan dengan keterangan bapa O.K.T. Bapanya telah menyatakan bahawa ia telah menerima panggilan talipon berkenaan permintaan wang daripada seseorang yang tidak dikenalinya dan iapun telah menyiapkan wang tunai di antara $1,600 dan $1,700. Juga bapa O.K.T. mengatakan bahawa ia telah menerima panggilan talipon memberitahu bahawa O.K.T. akan balik untuk mengambil pakaiannya dan ia tidak kenal siapa yang menaliponnya. Juga bapa O.K.T. telah menyatakan bahawa O.K.T. balik ke rumah tiap-tiap Tahun Baru Cina walhal emaknya dengan jelas mengatakan O.K.T. tidak pernah melawat ke rumahnya. Sudah lama emaknya tidak berjumpa dengan O.K.T. kerana sudah beberapa tahun O.K.T. tidak balik ke rumah. Dengan terangnya emak O.K.T. telah memberi keterangan yang tidak dapat menyokong keterangan bapa O.K.T. Pada pandangan saya, setakat itu keterangan emak O.K.T. tidak dapat diragukan. Akhirnya iaitu sebelum peguambela memberhentikan pemeriksaan utama emak O.K.T., emak O.K.T. pun berkata yang ia ingat peristiwa yang O.K.T. balik mengambil barang-barangnya tetapi ia berjumpa dengan O.K.T. cuma sekejap sahaja. Pada saya agak ketara mengapa ia tiba-tiba mengubah haluan dengan memberi keterangan yang agak menyokong keterangan bapa O.K.T. Oleh itu saya kurang yakin bahawa emak O.K.T. benar-benar ingin hendak menyokong keterangan bapa O.K.T. Dari itu saya membuat kesimpulan bahawa berkemungkinan besar yang O.K.T. tidak pernah balik ke rumahnya ataupun mengirim berita ke rumahnya sebelum ia ditangkap pada 30 Mac 1985 dan begitu juga permintaan wang kepada bapanya sebanyak $1,600 itu tidak benar dan tidak wujud.

Di samping itu adalah jelas bahawa dengan ketiadaan pemeriksaan balas saksi-saksi pendakwa iaitu PPP Keshab dan PPP Azman oleh pihak pembela terhadap pengesanan dan rampasan pistol yang berkenaan maka dari segi undang-undang apa yang dikatakan oleh saksi-saksi itu bahawa pistol itu telah dijumpai di pinggang O.K.T. dan selepas itu dirampas semasa berada di Kuantan Restoran terpaksa dianggap sebagai keterangan yang tidak boleh diragukan

(unshaken). Dalam lain perkataan, ini bermakna sebagai penerimaan keterangan saksi-saksi itu. Dalam perkara ini izinkan saya mengulangi kata-kata Yang Arif Raja Azlan Shah, Hakim Besar Malaya semasa itu dalam kes *Wong Swee Chin lwn. P.P.* [1981] 1 MLJ p. 212 di mukasurat 213 seperti berikut:

> A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. But as is common with all general rules there are also exceptions as pointed out in the judgment of the Supreme Court of New Zealand in Transport *Ministry v. Garry* where Haslam J said at p. 122:
>
> In Phipson on Evidence 11th Edn. para. 1544 the learned authors suggest examples by way of exception to the general principle that failure to cross-examine will amount to an acceptance of the witness's testimony, viz, where
>
> ... the story is itself of an incredible or romancing character, or the absention arises from mere motives of delicacy....or when counsel indicates that he is merely abstaining for convenience, e.g. to save time. And where several witnesses are called to the same point it is not always necessary to cross-examine them all.

Seperti yang saya nyatakan dahulu tiada sebab mengapa saya tidak boleh menerima keterangan kedua-dua saksi pendakwa itu sebagai benar. Sementara itu tidak boleh dinafikan bahawa keterangan yang diberikan oleh kedua-dua pendakwaan itu bukanlah keterangan 'incredible' atau "of romancing character" menjadikan pemeriksaan balas tidak diperlukan. Dengan itu saya membuat berpendapat bahawa pihak pembela tidak berjaya mendatangkan keraguan ke atas kes pendakwaan dan oleh itu saya membuat keputusan bahawa kedua-dua tuduhan terhadap O.K.T. telah terbukti. Justeru itu saya dapati O.K.T. bersalah dan disabitkan terhadap kedua-dua tuduhan dan menjatuhkan hukuman mati seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

Also found at [1990] 1 CLJ 451